



Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

**TARIAN BARONGAN
(REVOLUSI DAN CABARAN DALAM KELESTARIANNYA)**

**MOHAMAD SAFEE BIN SAPARI
21479**

**Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Keupujian
(Pengurusan Seni)
2011**

TARIAN BARONGAN
(REVOLUSI DAN CABARAN DALAM KELESTARIANNYA)

MOHAMAD SAFEE BIN SAPARI

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2011
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

**JUDUL: TARIAN BARONGAN
(REVOLUSI DAN CABARAN DALAM KELESTARIANNYA)**

SESI PENGAJIAN: 2008 / 2011

Saya **MOHAMAD SAFEER BIN SAPARI**

mengaku membenarkan tesis * ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan Membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Maklumat Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. ** sila tandakan ()

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam **AKTA RAHSIA RASMI 1972**)

TERHAD

(Mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan:

(Tandatangan Penulis)

(Tandatangan Penyelia)

Alamat Tetap:
Kampung Parit Jayus Sri Medan
83400 Batu Pahat
Johor

Tarikh:

Tarikh:

Catatan: *Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda
**Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD

PENGESAHAN PENYELIA

Projek bertajuk **Tarian Barongan (Revolusi dan Cabaran dalam Kelestariannya)** telah disediakan oleh **Mohamad Safee Bin Sapari** dan telah diserahkan kepada Fakulti seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Pengurusan Seni**).

Diterima untuk diperiksa oleh:

(Anna Durin)

Tarikh:

PENGHARGAAN

Assalamualaikum W.B.T

Alhamdulillah...bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya, kajian ini telah dapat dilaksanakan dan disempurnakan dengan jayanya. Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih ditujukan kepada pensyarah penyelia, Anna Durin yang telah banyak membantu dan memberi tunjuk ajar sepanjang kajian ini dijalankan. Ribuan terima kasih juga saya tujukan kepada badan kesenian Cemala Sari kampung Parit Baru Sri Medan dan badan kesenian Setia Budi kampung Parit Nipah Darat Parit Raja yang telah banyak memberikan kerjasama untuk memberikan maklumat sepanjang kajian ini dijalankan.

Setinggi-tinggi penghargaan khas buat ibu bapa serta seluruh ahli keluarga saya yang tidak pernah jemu memberikan nasihat, semangat serta dorongan kepada saya untuk menyempurnakan kajian ini. Tanpa berkat dan doa mereka tidak mungkin saya dapat menyempurnakan kajian ini dengan jayanya.

Ribuan terima kasih juga saya tujukan kepada semua rakan-rakan yang telah banyak memberikan tunjuk ajar dan bantuan kepada saya sepanjang kajian ini dijalankan. Tidak lupa juga ribuan terima kasih saya tujukan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dalam membantu menjayakan kajian ini. Akhir kata dari saya, terima kasih atas segalanya.

Sekian, Wassalam.

ISI KANDUNGAN

| PERKARA | MUKA SURAT |
|-------------------------|-------------------|
| Pengesahan | I |
| Penghargaan | II |
| Isi Kandungan | III |
| Senarai Rajah | VI |
| Senarai Foto | IX |
| Senarai Peta | X |
| Abstrak | XI |
| Abstrack | XII |
| | |
| BAB 1 | |
| 1.1 Pengenalan | 1 |
| 1.2 Hipotesis | 7 |
| 1.3 Permasalahan Kajian | 8 |
| 1.4 Objektif | 9 |
| 1.5 Persoalan Kajian | 10 |
| 1.6 Kepentingan Kajian | 11 |
| 1.7 Matlamat Kajian | 11 |
| 1.8 Batasan Kajian | 12 |
| 1.9 Skop Kajian | 14 |
| 1.10 Lokasi Kajian | 14 |
| 1.11 Populasi Kajian | 15 |

BAB 1

TARIAN BARONGAN

(REVOLUSI DAN CABARAN DALAM KELESTARIANNYA)

1.1 Pengenalan

Penghijrahan masyarakat Jawa dari Indonesia ke Tanah Melayu telah berlaku sejak awal abad ke-19 dan ke-20. Menurut Khazin Mohd. Tamrin (1987-2), penghijrahan mereka ke Tanah Melayu adalah sentiasa berterusan dan kehidupan mereka mempunyai banyak persamaan dengan masyarakat di Tanah Melayu daripada aspek ekonomi, politik, sosial, keturunan, agama, cara hidup dan kepercayaan. Mereka dapat dibezakan melalui aspek variasi tempatan iaitu dari segi kebudayaan, adat istiadat, loghat dan kepercayaan. Penghijrahan mereka ke Tanah Melayu bertujuan untuk merantau, mencari ilmu pengetahuan dan mengembara.

Kebanyakan penghijrah masyarakat Jawa disebabkan faktor *minggat*. *Minggat* dalam bahasa Jawa bermaksud lari atau meninggalkan sesuatu tempat. Proses ini berlaku atas dua faktor iaitu faktor penolak dan faktor penarik. Faktor penolak merupakan faktor yang terdapat pada kawasan mereka yang menyebabkan mereka terpaksa berpindah contohnya seperti penduduk yang ramai tetapi bekalan asas tidak mencukupi, kawasan yang tidak subur, masalah hutang, menanggung malu dan sebagainya. Manakala faktor penarikan pula merujuk kepada daya tarikan yang positif terhadap kawasan-kawasan lain yang mampu memberikan kemakmuran kepada mereka.

| | |
|-----------------------------|----|
| 1.12 Persampelan | 16 |
| 1.13 Metodologi Kajian | 17 |
| 1.13.1 Kaedah Perpustakaan | 18 |
| 1.13.2 Kerja Lapangan | 18 |
| 1.14 Sistematika Kajian | 20 |
| 1.15 Jadual Penyelidikan | 23 |
| 1.16 Rumusan | 25 |
| | |
| BAB 2 | |
| 2.0 Sorotan Kesusasteraan | 26 |
| 2.1 Pengenalan | 26 |
| 2.2 Rumusan | 36 |
| | |
| BAB 3 | |
| 3.0 Metodologi Kajian | 37 |
| 3.1 Pengenalan | 37 |
| 3.2 Sumber Data | 38 |
| 3.3.1 Kaedah Perpustakaan | 38 |
| 3.3.2 Kaedah Kerja Lapangan | 40 |
| 3.3.3 Kaedah Soal Selidik | 44 |
| 3.3 Instrument Kajian | 51 |
| 3.4 Lokasi Kajian | 55 |
| 3.5 Rumusan | 57 |

BAB 4

| | |
|--|-----|
| 4.0 Dapatan Kajian | 58 |
| 4.1 Pengenalan | 58 |
| 4.2 Dapatan Kajian Temubual | 58 |
| 4.3 Dapatan Kajian Borang Soal Selidik | 87 |
| 4.4 Rumusan | 115 |

BAB 5

| | |
|--|-----|
| 5.0 Analisis, Cadangan Dan Rumusan | 116 |
| 5.1 Analisis Konsep Tarian Barongan | 116 |
| 5.2 Analisis Unsur Mistik | 132 |
| 5.3 Analisis Faktor-Faktor Yang Menyebabkan Tarian Barongan Semakin Dipinggirakan | 138 |
| 5.4 Cadangan | 142 |
| 5.5 Cadangan Untuk Kajian Akan Datang | 145 |
| 5.6 Rumusan | 148 |
| 5.7 Penutup | 150 |
| Bibliografi / Rujukan | 151 |
| Lampiran | 158 |

SENARAI RAJAH

| PERKARA | MUKA SURAT |
|--|------------|
| Jadual 1 : Bilangan borang soal selidik yang diedar, diterima dan digunakan. | 88 |
| Jadual 2 : Jumlah kekerapan dan peratusan responden mengikut jantina. | 88 |
| Jadual 3 : Jumlah kekerapan dan peratusan responden mengikut umur. | 90 |
| Jadual 4 : Jumlah kekerapan dan peratusan responden mengikut tahap pendidikan. | 91 |
| Jadual 5 : Jumlah kekerapan dan peratusan responden mengikut pekerjaan. | 93 |
| Jadual 6 : Jumlah kekerapan dan peratusan responden yang memberikan maklum balas sama ada responden mengetahui kewujudan tarian barongan atau sebaliknya. | 94 |
| Jadual 7 : Jumlah kekerapan dan peratusan responden yang memberi maklum balas sama ada responden pernah melihat tarian barongan atau sebaliknya. | 96 |
| Jadual 8 : Jumlah kekerapan responden yang memberikan maklum balas sama ada tarian barongan mengandungi unsur mistik atau sebaliknya. | 97 |

| | | |
|--------------------|--|-----|
| Jadual 9 : | Jumlah kekerapan dan peratusan responden yang memberikan maklum balas terhadap pernyataan topeng / pakaian menjadikan tarian barongan mengandungi unsur mistik. | 99 |
| Jadual 10 : | Jumlah kekerapan dan peratusan responden yang memberikan maklum balas terhadap pernyataan sama ada tarian barongan mempunyai kaitan dengan kuda kepang mabuk atau sebaliknya. | 100 |
| Jadual 11 : | Jumlah kekerapan dan peratusan responden yang memberikan maklum balas terhadap pernyataan sama ada tarian barongan mempunyai persamaan dengan perarakan Kavadi masyarakat India atau sebaliknya. | 102 |
| Jadual 12 : | Jumlah kekerapan dan peratusan responden yang memberikan maklum balas bahawa tarian barongan semakin dipinggirkan oleh masyarakat. | 103 |
| Jadual 13 : | Jumlah kekerapan dan peratusan responden yang memberikan maklum balas terhadap pernyataan bahawa tarian barongan kurang mendapat sambutan kerana mengandungi unsur mistik. | 105 |
| Jadual 14 : | Jumlah kekerapan dan peratusan responden yang memberikan maklum balas terhadap pernyataan bahawa kurangnya penglibatan golongan muda dalam tarian barongan. | 106 |

| | | |
|--------------------|--|-----|
| Jadual 15 : | Jumlah kekerapan dan peratusan responden yang memberikan maklum balas terhadap bahawa tarian barongan masih mengandungi unsur animisme. | 108 |
| Jadual 16 : | Jumlah kekerapan dan peratusan responden yang memberikan maklum balas terhadap pernyataan bahawa pakaian tarian barongan menjadikannya kelihatan seperti mangandungi unsur mistik. | 109 |
| Jadual 17 : | Jumlah kekerapan dan peratusan responden yang memberikan maklum balas terhadap pernyataan bahawa tarian barongan hanyalah hiburan semata-mata tanpa unsur mistik. | 111 |
| Jadual 18 : | Jumlah kekerapan dan peratusan responden yang memberikan maklum balas terhadap pernyataan bahawa mesej yang ingin disampaikan dalam tarian barongan kepada penonton adalah jelas. | 112 |
| Jadual 19 : | Jumlah kekerapan dan peratusan responden yang memberikan maklum balas terhadap pernyataan bahawa tarian barongan perlu dikekalkan sebagai salah satu warisan negara. | 114 |

SENARAI FOTO

| PERKARA | MUKA SURAT |
|--|-------------------|
| Foto 1 : Topeng <i>Barongan</i> | 68 |
| Foto 2 : Topeng <i>Ganongan</i> | 69 |
| Foto 3 : Topeng <i>Telebem</i> | 69 |
| Foto 4 : Gendang | 80 |
| Foto 5 : Gong | 80 |
| Foto 6 : Kenong | 80 |
| Foto 7 : Ketipung | 80 |
| Foto 8 : Angklung | 81 |
| Foto 9 : Penari <i>Jatilan</i> | 82 |

SENARAI PETA

| PERKARA | | MUKA SURAT |
|----------------|--------------------|-------------------|
| Peta 1: | Peta Tanah Melayu | 3 |
| Peta 2: | Peta Lokasi Kajian | 55 |

Abstrak

Penghijrahan masyarakat Jawa ke Tanah Melayu pada suatu masa dahulu telah membawa bersama kebudayaan dan kesenian mereka. Salah satu kesenian yang masih wujud adalah tarian barongan. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji konsep tarian barongan di negeri Johor dengan melihat kepada pelbagai aspek hingga kepada unsur spiritual. Kajian ini juga akan menyentuh aspek cabaran terhadap perkembangan tarian barongan di negeri Johor. Oleh kerana peredaran zaman, unsur spiritual dalam tarian ini dikikis dan kini tarian ini hanya dijadikan sebagai seni hiburan.

Abstract

The Javanese Community which had migrated to Malaya had brought also their culture heritage such as barongan dance. This research seeks to examine the concept and the various aspects of the barongan dance. The main objective is to find out the spiritual element which is present in the dance. This research also looks at the aspects of the challenges facing and the development of barongan dance in Johor. Due to modernization, the spiritual element in this dance is eroded and the dance is presented as entertainment only.

Proses penghijrahan masyarakat Jawa ke Tanah Melayu berlaku dengan pelbagai cara seperti persendirian dan *boyongan*. Kedatangan mereka secara persendirian adalah melalui sindiket, ejen pengambilan untuk buruh dan secara individu. *Boyongan* pula merupakan bahasa Jawa yang bermaksud proses penghijrahan sesuatu keluarga. Proses ini berlaku apabila penghijrah telah mendapat tanah dan kehidupan yang terjamin di Tanah Melayu, penghijrah tersebut akan pulang ke Jawa untuk membawa bersama keluarga mereka ke Tanah Melayu.

Kawasan yang menjadi tumpuan penghijrahan masyarakat Jawa di Tanah Melayu seperti di Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Penghijrahan mereka ke Tanah Melayu telah membawa bersama kebudayaan dan keseniannya. Oleh sebab terdapat persamaan dari segi politik, sosial, ekonomi dan agama, mereka mampu meneruskan kesenian dan kebudayaannya di Tanah Melayu. Menurut Khazin Mohd. Tamrin (1987-2), orang Jawa mengenali Tanah Melayu dan Singapura sebagai tanah *sabrang* iaitu tanah seberang. Ini menunjukkan begitu rapatnya hubungan di antara masyarakat kepulauan Melayu pada suatu masa dahulu. Namun begitu, kehadiran kuasa asing seperti Portugis, Sepanyol, Belanda dan British telah memisah-pecahkannya.

Aspek kebudayaan yang terus diamalkan oleh masyarakat Jawa di Tanah Melayu seperti adat istiadat dan kepercayaan. Manakala aspek kesenian pula seperti seni persembahan yang merangkumi aspek bahasa, tarian, nyanyian dan sebagainya. Jika dilihat dari aspek persembahan tarian, orang Jawa di Malaysia kini terutamanya di Johor, masih mengamalkan kegiatan keseniannya. Salah satu daripadanya adalah tarian barongan. Sehingga ke hari ini, tarian ini masih giat diamal dan dipersembahkan

khususnya di daerah Batu Pahat Johor. Ia terus subur dan sehati dengan jiwa masyarakat setempat dan dijadikan sebagai salah satu warisan tradisional yang amat berharga nilainya.

Gambar 1: Peta Tanah Melayu yang menunjukkan Kawasan penempatan orang Jawa, Tahun 1880-1940.



Sumber: Khazin Mohd. Tamrin 1987, Orang Jawa Di Selangor - Penghijrahan dan Penempatan 1880-1940

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka edisi keempat, tari atau tarian bermaksud gerakan badan serta tangan dan kaki berirama mengikut rentak muzik. Tarian dalam masyarakat Melayu boleh dibahagikan kepada beberapa jenis antaranya seperti tarian rakyat, tarian teater, tarian gelanggang dan tarian Melayu moden.

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka edisi keempat, barongan bermaksud tarian yang penarinya memakainya topeng binatang. Menurut Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu Jilid 1, barongan merujuk kepada baju topeng yang merupakan kostum untuk watak dalam sejenis tarian yang terdapat di Johor, Malaysia dan Jawa, Indonesia.

Tarian barongan merupakan satu tarian rakyat yang popular di negeri Johor terutamanya di sekitar daerah Batu Pahat. Tarian barongan ialah tarian yang berasal dari Jawa Indonesia yang dibawa masuk oleh masyarakat Jawa ke Tanah Melayu pada suatu masa dahulu. Tarian ini kemudiannya dipraktikkan dan terus dipersembahkan sehingga ke hari ini. Tarian barongan dipercayai berkembang di Malaysia sekitar tahun 1722, oleh masyarakat Jawa yang berhijrah ke Malaysia iaitu ketika era kehancuran kerajaan Riau-Lingga. Tarian barongan terkenal dalam kalangan masyarakat Jawa di Johor terutamanya daerah Batu Pahat.

Tarian barongan ini bukanlah seni persembahan tarian semata-mata, malahan ia mengandungi pelbagai kesenian yang terkandung di dalamnya seperti seni gerak tari, seni silat, seni muzik dan seni busana. Seni gerak tari dapat dilihat dalam tarian yang

dipersembahkan oleh para penari *jatilan*. Seni silat juga dilihat pada watak *ganongan* ketika melawan *barongan*. Seni muzik pula diperlukan dalam tarian ini kerana irama muzik gamelan merupakan muzik yang melatarbelakangi dan mengiringi tarian ini. Seni busana juga amat ketara ditonjolkan dalam tarian ini dengan melihat kepada pakaian yang dipakai oleh para penari *jatilan*, topeng *barongan* yang diperbuat daripada bulu merak dan juga topeng yang menyerupai binatang.

Tarian ini biasanya dipersembahkan bersempena dengan kenduri atau majlis perkahwinan, majlis-majlis tertentu dan keramaian. Tarian ini juga sering dipersembahkan sebagai penyambut orang-orang besar atau orang-orang kenamaan yang menghadiri sesuatu majlis. Menurut En. Miskon Karim (temubual pada 3.1.2011, Parit Nipah Darat) tarian barongan pernah dipersembahkan untuk meraikan majlis Maulidur Rasul di kampung Parit Nipah Darat sekitar tahun 1940-an. Para penduduk yang mengiringi tarian barongan menuju ke masjid sambil membawa nasi *ambeng* sebagai juadah sambutan Maulidur Rasul di masjid.

Di pulau Jawa Indonesia, barongan dimanifestasikan dalam beberapa persembahan seperti *reyong ponorogo*, kuda kepang dan *bujangganong*. Tarian *reog* terkenal dan popular di daerah Ponorogo Indonesia. Menurut En. Miskon Bin Karim, daerah Ponorogo di Indonesia sentiasa mengadakan pesta barongan besar-besaran setiap tahun. Pesta tersebut dinamakan sebagai pesta *Gerbeg Suro* yang diadakan bertujuan untuk menyambut kehadiran bulan Muharram iaitu salah satu bulan dalam kalendar Islam. Pesta ini berlangsung selama satu minggu bermula seminggu sebelum 1 Muharram. Kemuncak pesta ini adalah pada 1 Muharram yang turut diadakan

pertandingan barongan. Pertandingan ini bukan sahaja terbuka kepada seluruh negara Indonesia, malah hingga ke peringkat antarabangsa. (En. Miskon Karim, temubual pada 3.1.2011, Parit Nipah Darat).

Fokus kepada kajian ini adalah untuk mengkaji konsep tarian barongan di Johor. Fokus kawasan bagi kajian ini adalah sekitar daerah Batu Pahat Johor. Fokus khalayak untuk kajian ini ialah pengamal dan pemain-pemain tarian barongan serta penonton atau penduduk tempatan. Di dalam fokus utama kajian ini, kajian ini akan mengupas dengan lebih terperinci mengenai asal usul tarian barongan, cara tarian dipersembahkan, peralatan, adat istiadat dan proses-proses dalam upacara tarian barongan.

Kajian ini juga akan mencakup topik mengenalpasti unsur-unsur spiritual dalam persembahan tarian barongan. Di dalam topik ini, kajian ini akan mengupas dengan lebih mendalam akan kewujudan unsur spiritual dalam persembahan tarian barongan. Kajian ini juga akan mencari jawapan sama ada tarian barongan pada masa kini mempunyai unsur spiritual atau tidak. Untuk mencari jawapan tersebut, kajian ini akan menyentuh aspek fungsi dan sistem dalam tarian barongan seperti peranan dan fungsi topeng barongan, sajian, alat muzik, pemuzik, pemimpin dan pergerakan dalam tarian yang boleh mendatangkan unsur spiritual. Kajian ini juga turut mengkaji aspek kepercayaan dan pantang larang yang terdapat dalam tarian barongan ini. Di dalam topik meneliti faktor-faktor yang menyebabkan tarian barongan semakin di pinggirkan, kajian ini akan menghuraikan faktor dan punca yang menyebabkan tarian ini semakin dipinggirkan. Kajian ini juga turut menyentuh cabaran yang dihadapi untuk memperkembangkan tarian ini di negeri Johor.

Dengan adanya topik-topik tersebut, kajian ini akan didokumentasikan dalam bentuk penulisan ilmiah bertujuan untuk dijadikan sebagai rujukan kepada generasi yang akan datang. Sumber yang diperolehi adalah berdasarkan beberapa kaedah primer dan skunder seperti rekod bancian bagi kampung, rekod daripada ketua kampung, temubual, soal selidik, dan pemerhatian yang dilakukan dalam kajian ini. Lokasi kajian dalam kajian ini ialah kampung Parit Nipah Darat dan kampung Parit Baru yang terletak di daerah Batu Pahat. Tujuan utama kajian ini dilakukan di kawasan tersebut adalah kerana majoriti penduduknya merupakan masyarakat berketurunan Jawa. Mereka berhijrah ke Tanah Melayu pada suatu masa dahulu dengan membawa bersama kebudayaan mereka. Dengan itu, kajian ini amat tertarik terhadap semangat dan cara komuniti di kawasan tersebut memperjuangkan warisan mereka di negara ini.

1.2 Hipotesis

Perubahan budaya masyarakat Jawa di Johor yang dipengaruhi agama Islam sedikit sebanyak menyumbang kepada masalah kepinggiran tarian barongan. Fenomena ini terjadi kerana tarian barongan dikatakan mengandungi unsur yang bertentangan dengan agama. Oleh sebab peredaran zaman, unsur spiritual dalam tarian ini dikikis dan ditinggalkan. Kini, tarian barongan ini hanya dijadikan sebagai seni hiburan semata-mata.

1.3 Permasalahan Kajian

Walupun tarian barongan telah wujud sekian lama di Malaysia, namun ia hanya popular dalam kalangan masyarakat Jawa sahaja khususnya di Johor. Tarian ini juga semakin dipinggirkan oleh generasi muda di atas pelbagai alasan seperti tidak mengetahui kewujudan tarian tersebut, tidak mengetahui konsep sebenar tarian tersebut, tidak memahami mesej yang ingin disampaikan dan kurang dipersembahkan pada majlis-majlis keramaian. Lantaran itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji konsep sebenar tarian barongan di negeri Johor terutamanya di kampung Parit Baru Sri Medan dan kampung Parit Nipah Darat Parit Raja.

Tarian barongan telah diamalkan sejak zaman nenek moyang lagi dan ia dipercayai mengandungi unsur-unsur mistik contohnya seperti pemujaan semangat alam, jampi serapah dan sajian untuk makhluk halus atau roh nenek moyang. Oleh itu, ramai yang berpendapat bahawa sebahagian daripada unsur mistik itu adalah bertentangan dengan ajaran agama Islam. Tambahan lagi topeng-topeng yang dipakai dalam tarian barongan yang mempunyai rupa haiwan dan raksasa turut menimbulkan tanggapan negatif masyarakat. Walupun topeng-topeng yang digunakan dalam tarian barongan ini mempunyai rupa yang menggerunkan, namun ia hanyalah merupakan salah satu kelengkapan dalam tarian ini dan tidak mengandungi sebarang unsur mistik atau khurafat yang bertentangan dengan ajaran Islam.

Tarian barongan pada masa kini kurang mendapat sambutan daripada masyarakat Malaysia khususnya masyarakat Johor sendiri. Sambutan dingin daripada masyarakat yang menganggap bahawa kesenian ini masih mengandungi unsur-unsur ritual dan khurafat menjadi faktor utama kepada masalah kepinggiran. Tanggapan negatif masyarakat seperti ini menjadikan masyarakat tidak mahu mengundang kumpulan barongan untuk membuat persembahan.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini telah menggariskan beberapa objektif untuk melaksanakan kajian ini. Objektif-objektifnya adalah seperti:

1. Mengkaji konsep tarian barongan di negeri Johor.
2. Mengenalpasti unsur-unsur spiritual dalam persembahan tarian barongan.
3. Meneliti faktor-faktor yang menyebabkan tarian barongan semakin di pinggirkan.
4. Mengumpul dan menganalisis pendapat atau cadangan umum untuk memelihara tarian ini.